

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai pada jam 1200, Selasa, 6 Julai 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI PRESTASI PENGGUNAAN ICT DAN E-DAGANG
OLEH PERTUBUHAN 2020 & SUKU TAHUN PERTAMA 2021

Pendapatan Transaksi E-Dagang Melonjak 30.0 peratus pada Suku Tahun Pertama 2021

PUTRAJAYA, 6 Julai 2021 – Pendapatan e-dagang oleh pertubuhan di Malaysia merekodkan RM254.6 bilion melonjak 30.0 peratus tahun-ke-tahun pada suku tahun pertama 2021. Pertumbuhan ini dipacu oleh sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Seterusnya pada tahun 2020, pendapatan e-dagang merekodkan RM896.4 bilion meningkat 32.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Perbandingan suku tahun-ke-suku tahun pula, RM195.9 bilion direkodkan pada suku tahun pertama 2020, diikuti RM216.9 bilion pada suku tahun kedua. Pendapatan e-dagang terus menunjukkan trend peningkatan pada suku tahun ketiga dengan merekodkan RM238.2 bilion dan RM245.4 bilion pada suku tahun keempat tahun yang sama. Prestasi lebih baik ini didorong oleh norma baharu Covid-19 yang telah merangsang kepada adaptasi digital dikalangan pertubuhan.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Pendapatan e-dagang meningkat 22.8 peratus pada tahun 2019 berbanding 2017, mencatatkan RM675.4 bilion. Pendapatan e-dagang 2019 bagi pasaran tempatan yang dijana daripada jualan di Malaysia, meningkat 21.7 peratus kepada RM591.8 bilion. Sementara itu, jualan e-dagang diperingkat antarabangsa meningkat 31.9 peratus kepada RM83.5 bilion. Pendapatan e-dagang mengikut jenis pelanggan melalui *Business to Business* (B2B) meningkat 13.0 peratus kepada RM449.6 bilion dan diikuti *Business to Consumer* (B2C) meningkat 53.3 peratus kepada RM194.0 bilion. Pada masa yang sama, *Business to Government* (B2G) turut meningkat 55.7 peratus kepada RM31.8 bilion."


Perbelanjaan e-dagang turut merekodkan pertumbuhan 14.8 peratus kepada RM301.5 bilion. Perbelanjaan e-dagang bagi pasaran tempatan bertumbuh 15.3 peratus kepada RM269.6 bilion. Manakala perbelanjaan pasaran antarabangsa meningkat 10.8 peratus kepada RM31.9 bilion. Perbelanjaan e-dagang mengikut jenis pelanggan melalui *Business to Business* (B2B) meningkat 14.1 peratus kepada RM277.6 bilion dan diikuti *Business to Consumer* (B2C) 24.6 peratus kepada RM14.8 bilion. Manakala *Business to Government* (B2G) turut meningkat 22.6 peratus kepada RM9.1 bilion (Carta 1-3).

Seterusnya, penggunaan internet merekodkan peningkatan 11.9 mata peratus kepada 85.2 peratus, diikuti oleh komputer, 7.3 mata peratus kepada 86.2 peratus dan *web presence*, 16.1 mata peratus kepada 53.9 peratus. Sektor Maklumat & Komunikasi dan Kewangan & Takaful/ Insurans telah menggunakan sepenuhnya internet dan komputer dalam perniagaan.


Mengupas kenyataan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Pertumbuhan pesat dalam penggunaan ICT dan e-dagang di Malaysia menunjukkan syarikat perniagaan telah beralih kepada laluan digital seiring dengan perkembangan teknologi global.”

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.


Carta 1: Prestasi E-Dagang, Malaysia, 2015-2020




Carta 2: Pendapatan E-Dagang mengikut Segmen, 2015-2019



Carta 3: Perbelanjaan E-Dagang mengikut Segmen, 2015-2019



Carta 4: Prestasi E-Dagang, ST1 2020-ST1 2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

6 JULAI 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 6 July 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR THE PERFORMANCE ON USAGE OF ICT AND E-COMMERCE
BY ESTABLISHMENT 2020 & FIRST QUARTER 2021**

Income of E-Commerce Transactions Surged 30.0 per cent in the First Quarter 2021

PUTRAJAYA, 6 July 2021 – Malaysia's e-commerce income by establishment recorded RM254.6 billion with an increase of 30.0 per cent year-on-year in the first quarter 2021. The growth was driven by Manufacturing and Services sectors. Whereby for year 2020, income for e-commerce recorded RM896.4 billion, an increase of 32.7 per cent compared to the previous year. On quarterly basis, first quarter 2020 recorded RM195.9 billion and increased to RM216.9 billion in the second quarter. The e-commerce income continued its increasing trend by registering RM238.2 billion in the third quarter 2020 and RM245.4 billion in the fourth quarter of the same year. The better performance was supported by the new normal of Covid-19 which gave huge boost to digital adoption among businesses.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The income of e-commerce soared 22.8 per cent in 2019 as compared to 2017, recording RM675.4 billion. In view of e-commerce income by market segment, the income of local market segment which was generated from sales conducted in Malaysia, rose 21.7 per cent to RM591.8 billion in 2019. Meanwhile, sales for international market up 31.9 per cent to RM83.5 billion. Accordingly, e-Commerce income by type of customers via Business to Business (B2B) increased 13.0 per cent to RM449.6 billion, and followed by Business to Consumer (B2C) 53.3 per cent to RM194.0 billion. In the meantime, Business to Government (B2G) grew 55.7 per cent to RM31.8 billion."

The e-commerce expenditure recorded an increase of 14.8 per cent to RM301.5 billion. The local market segment surged 15.3 per cent to RM269.6 billion, while international market grew 10.8 per cent to RM31.9 billion. E-Commerce expenditure by type of market via Business to Business (B2B) rose 14.1 per cent to RM277.6 billion, and followed by

Business to Consumer (B2C) 24.6 per cent to RM14.8 billion. Meanwhile, Business to Government (B2G) grew 22.6 per cent to RM9.1 billion (Chart 1 – 3).

Subsequently, the internet usage recorded an increase of 11.9 percentage point to 85.2 per cent, followed by computers 7.3 percentage point to 86.2 per cent and web presence, 16.1 percentage point to 53.9 per cent. Information & Communication and Financial & Takaful/ Insurance sectors fully utilised the usage of internet and computer in their businesses.

Elaborating on the statement, the Chief Statistician of Malaysia said, "The rapid growth in the usage of ICT and e-commerce in Malaysia shows that companies have shifted towards the digital path in line with global technological developments."

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: E-Commerce Performance, Malaysia, 2015-2020




Chart 2: E-Commerce Income Performance by Segments, 2015-2019




Chart 3: E-Commerce Expenditure Performance by Segments, 2015-2019





Chart 4: Performance of E-Commerce, Q1 2020-Q1 2021



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

6th JULY 2021